

TEKS UCAPAN

**YBRS LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK
PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

MAJLIS PENUTUP POLYMED STRIKE DAY

15 APRIL 2026

**MELAKA INTERNATIONAL BOWLING CENTRE DAN
KOMPLEKS CMI**

Terima kasih saudara/saudari Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

Melaka Sayang Rakyat

Salam PMMWarriors.

Yang Berusaha Puan Faridatuljana binti Moohd Noor

Timbalan Pengarah (Akademik)

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

Yang Berusaha Encik Amir bin Awang @ Muda

Ketua Jabatan Sukan Kokurikulum dan Kebudayaan merangkap
Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan

Yang Berusaha Nurul Nadia binti Azman

Pengarah Program PolyMed Strike Day

Barisan Ketua Jabatan,

Ketua-Ketua Unit,

Penasihat Program,

Ahli Jawatankuasa,

Pegawai-pegawai,

Serta yang diraikan barisan rakan-rakan media yang sudi hadir pada hari ini.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita telah berjaya melaksanakan dan menghimpunkan semua dalam program PolyMed Strike Day pada hari ini dengan jayanya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak penganjur iaitu kelas Era Revo dengan

kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Staf PMM atas kejayaan menganjurkan program ini dengan begitu baik.

Pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Program PolyMed Strike Day, Pertandingan Boling Bersama Media.

Sesungguhnya penganjuran program ini bukan sekadar satu sukan, tetapi merupakan satu inisiatif penting dalam memperkukuh hubungan strategik antara Politeknik Merlimau Melaka dan rakan-rakan media yang sentiasa menjadi penghubung utama antara institusi dan masyarakat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pihak Politeknik Merlimau Melaka amat menghargai peranan media sebagai rakan strategik dalam menyampaikan informasi yang tepat, sahih dan berimpak kepada masyarakat. Tanpa sokongan padu daripada pihak media, usaha PMM dalam mengetengahkan pelbagai success story, inovasi serta kecemerlangan warga politeknik mungkin tidak dapat disebarluaskan dengan begitu efektif.

Media bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai maklumat, malah sebagai rakan kolaborasi yang membantu meningkatkan keterlihatan atau “visibility” institusi, seterusnya mengangkat imej Politeknik Merlimau Melaka sebagai sebuah Politeknik Premier yang berprestasi tinggi.

Justeru, program seperti ini diharapkan dapat menjadi platform santai yang mampu mengeratkan lagi hubungan, membina kepercayaan serta mewujudkan jalinan kerjasama yang lebih erat dan berterusan antara kedua-dua pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kami percaya, hubungan yang baik antara institusi dan media akan membuka lebih banyak ruang kerjasama strategik pada masa hadapan, seterusnya memastikan segala pencapaian, kejayaan dan aspirasi Politeknik Merlimau Melaka terus mendapat perhatian dan pengiktirafan sewajarnya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan media yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menjayakan program ini. Semoga jalinan kerjasama ini akan terus diperkukuh demi manfaat bersama.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program PolyMed Strike Day ini.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.